

Risiko, pulangan, kunci asas pelaburan

Sekiranya anda gemarkan aktiviti berisiko tinggi, anda mungkin seorang yang berani mengambil risiko tinggi dalam pelaburan.

Adakah anda pernah mengambil risiko dalam kehidupan? **Risiko** bermaksud anda membuat keputusan yang mungkin memberi kesan positif atau negatif dalam hidup anda.

Sebagai contoh, anda membuat keputusan untuk tidur lewat kerana ingin menonton filem kegemaran, sedangkan anda tahu ia mungkin menyebabkan anda terlewat bangun dan seterusnya terlewat ke sekolah.

Dalam pelaburan pula, risiko dan pulangan ialah dua konsep penting yang saling berkait rapat iaitu secara umumnya, lebih tinggi risiko, lebih tinggilah peluang untuk memperoleh keuntungan.

Dalam kamus pelaburan, risiko ialah apabila ada kemungkinan pelabur memperoleh pulangan kurang daripada yang diharapkan atau hilang modal pelaburan atau bahasa mudahnya menanggung kerugian.

Apabila hendak melabur, anda perlu membuat kajian terlebih dahulu kerana setiap instrumen pelaburan mempunyai risiko dan pulangan yang berbeza.

Sebelum melabur, tanya pada diri anda sama ada anda sanggup kehilangan modal dalam pelaburan berkenaan dan apakah pulangan yang anda harapkan.

Jika anda tidak suka mengambil risiko, ini bermakna anda adalah pelabur yang pasif dan lebih sesuai melabur dalam instrumen pelaburan berisiko rendah seperti deposit tetap dan Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Sebaliknya, jika anda suka mengambil risiko, apabila dewasa kelak boleh memilih untuk melabur dalam pasaran saham.

Ini kerana pelaburan dalam pasaran saham membabitkan risiko memandangkan ia mempunyai volatiliti yang agak tinggi dan pelabur boleh kehilangan modal pada bila-bila masa.

Bagaimanapun, pasaran saham juga menjanjikan pulangan tinggi kerana anda berpeluang menerima keuntungan modal jika harga seunit saham meningkat dengan banyak dan juga dividen sekiranya syarikat mencatat keuntungan.

Sementara itu, risiko melabur dalam unit amanah harga berubah boleh dikatakan sederhana kerana harga seunit tabung unit amanah hanya berubah sekali hari, berbanding pasaran saham yang harga seunit saham boleh berubah sekelip mata sepanjang tempoh urusniaga.

Sama seperti pasaran saham, pelabur unit amanah juga berpeluang memperoleh keuntungan modal jika harga seunit

tabung meningkat dan menerusi dividen yang diberikan tabung berkenaan.

Pulangan yang tinggi akan membolehkan anda membina kekayaan dengan lebih pantas, namun ia juga bermakna anda perlu meluangkan lebih banyak masa untuk memantau-nya untuk meminimumkan kerugian

dan memaksimumkan pulangan.

Sebelum membuat keputusan pelaburan, buat kajian, tetapkan matlamat dan kenalpasti risiko dan pulangan yang berkait rapat dengan instrumen yang menarik perhatian anda supaya kelak pelaburan yang dibuat tidak menyebabkan kerugian.



KATEGORI REMAJA
13-17 tahun

KUIZ PELABURAN PNB

Online

#capaikemerdekaankewangan

HADIAH UNTUK DIMENANGI

RM5,000

1x

HADIAH KEDUA 2 x RM3,500 | **HADIAH KETIGA** 3 x RM2,500 | **HADIAH KEEMPAT** 5 x RM1,000 | **HADIAH KELIMA** 20 x RM300

SAGUHATI 225 x RM100

*Hadiah dalam bentuk unit amanah ASNB

PNB
KUIZ Pelaburan

TRUSTING
30
1990-2020

ASNB
Amanah Saham Bumiputera

AHLI FEN
Financial Education Network

Solalan Kuiz Pelaburan PNB:

- Untuk membina tabungan, anda perlu bijak membezakan antara keperluan dan kehendak sebelum membelanjakan wang yang diterima. Manakah antara berikut merupakan keperluan?
a) Membeli pakaian berjenama dan telefon pintar
b) Membeli air soda berkarbonat
c) Membeli air sirap dan nasi lemak bungkus
- Hutang ialah kemudahan yang sepatutnya digunakan untuk tujuan yang baik seperti membeli rumah atau menyambung pengajian. Berikut ialah tip menguruskan kewangan dan hutang KECUALI:
a) Buat bajet
b) Boros berbelanja
c) Berbelanja mengikut kemampuan
- Wang yang dikumpul perlu dilaburkan untuk memastikan nilainya tidak mengecil dan jumlahnya terus bertambah. Katakan anda melabur RM500 dalam XYZ dan menerima dividen 5% selepas setahun. Berapakah jumlah dividen yang anda terima?
a) RM30
b) RM25
c) RM50
- Usia yang muda jangan disia-siakan. Lebih awal anda mula melabur, lebih panjang tempoh pelaburan dan lebih besarlah peluang membina tabungan yang kukuh. Berikut ialah cara untuk membina tabungan lebih pantas dalam jumlah lebih besar KECUALI:
a) Melabur secara konsisten setiap bulan ke dalam instrumen pelaburan seperti unit amanah
b) Simpan wang dalam akaun simpanan di bank
c) Tidak mengeluarkan wang pelaburan sesuka hati sehingga mencapai matlamat yang ditetapkan
- Apabila seseorang itu melabur, mereka perlu mengetahui mengenai risiko dan pulangan. Biasanya lebih tinggi risiko, lebih tinggi pulangan pelaburan yang boleh diharapkan. Apakah yang dimaksudkan dengan risiko dalam pelaburan?
a) Kemungkinan menanggung kerugian daripada pelaburan
b) Terdedah kepada kemiskinan
c) Kebarangkalian ditahan pihak berkuasa
- Borang perakuan ini akan diterbitkan bersama satu artikel berlainan tajuk selama 5 hari bermula dari 1 Oktober hingga 5 Oktober 2020. Dalam setiap artikel, satu kata kunci telah diwarnakan. Nyatakan 5 kata kunci berkenaan.

Kaedah Penyertaan

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 13 tahun – 17 tahun
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja boleh diakses di www.asnb.com.my. Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line);
- Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan pengeluar.
- Keputusan pemenang adalah muktamad.
- Terma dan syarat lanjut perakuan di www.asnb.com.my

Tarikh tutup penyertaan: 25 Oktober 2020

